

# Terma dan Syarat Aplikasi Pulse

Tarikh Kuatkuasa : 15 Mac 2023

Pulse Ecosystems Pte Ltd, sebuah syarikat Singapura ("PulseCo") menyediakan Aplikasi Pulse berdasarkan terma dan syarat yang dinyatakan di bawah. Dengan mendaftarkan diri anda untuk Aplikasi Pulse, anda memasuki perjanjian dengan kami seperti yang dinyatakan dalam terma dan syarat ini ("Perjanjian").

## A. PENGENALAN

Aplikasi Pulse adalah sebuah platform yang dikendali oleh kami melalui mana anda boleh mengakses perkhidmatan, fungsi, ciri dan maklumat tertentu ("Perkhidmatan Pulse").

Sekiranya anda membeli mana-mana produk insurans atau mendaftar untuk menggunakan sebarang perkhidmatan insurans yang disediakan oleh entiti insurans Prudential ("Entiti Tempatan Pru") yang beroperasi di negara anda (sila lihat Lampiran 2) dalam Pulse, Entiti Tempatan Pru tersebut akan menyediakan produk dan perkhidmatan tersebut untuk anda di bawah terma dan syarat serta notis privasinya sendiri.

Terdapat Perkhidmatan Pulse tertentu yang disediakan kepada anda oleh rakan kongsi pihak ketiga kami ("Rakan Kongsi Pulse"). Rakan Kongsi Pulse akan berkontrak dengan anda secara langsung di bawah terma dan syarat mereka untuk menyediakan perkhidmatan di bawah nama mereka sendiri.

Perkhidmatan Pulse mungkin merangkumi perkhidmatan yang dikawal selia di bawah undang-undang yang terpakai. Di mana berkenaan, perkhidmatan tersebut akan disediakan di bawah lesen yang diperolehi oleh PulseCo atau Rakan Kongsi Pulse.

Akses kepada Aplikasi Pulse di luar bidang kuasa berdaftar anda ("Negara Asal") mungkin akan dihadkan atau terhad kepada Perkhidmatan Pulse yang telah disesuaikan untuk Negara Asal anda. Kami mungkin menambah, mengubah, menyingkir, mengemaskini atau sebaliknya mengubah suai Perkhidmatan Pulse dari semasa ke semasa. Kami juga mempunyai hak untuk menyingkirkan atau mengehadkan akses kepada sebarang Perkhidmatan Pulse pada bila-bila masa berdasarkan budi bicara kami sendiri.

Sila amalkan keselamatan yang baik dalam menggunakan Aplikasi Pulse. Sebagai contoh, alat peranti di atas mana anda memuat turun dan mengakses Aplikasi Pulse tersebut seharusnya dilindungi dengan kata laluan dan ditetapkan untuk dikunci selepas tempoh tidak aktif yang singkat.

## B. PENDAFTARAN DAN ID Pulse

Dengan mendaftar untuk Aplikasi Pulse, anda akan mempunyai sebuah akaun yang unik (“**ID Pulse**”). ID Pulse anda adalah berharga, dan anda bertanggungjawab untuk mengekalkan kesulitan dan keselamatannya. Kami tidak bertanggungjawab untuk sebarang kerugian akibat daripada penggunaan ID Pulse yang tidak dibenarkan. Sila hubungi kami sekiranya anda mengesyaki ID Pulse anda telah disalahgunakan.

Melainkan anda mempunyai persetujuan ibu bapa atau penjaga sah anda, anda mesti berumur 18 ke atas untuk mencipta ID Pulse dan menggunakan Aplikasi Pulse. ID Pulse untuk individu-individu di bawah 18 tahun boleh diciptakan oleh ibu bapa atau penjaga sah. Ibu bapa atau penjaga sah bertanggungjawab untuk memastikan individu tersebut mematuhi Perjanjian ini.

## C. TUJUAN PERKHIDMATAN PULSE

### Kesihatan, Kecergasan dan Kesejahteraan

Maklumat, fungsi, ciri dan perkhidmatan yang disediakan sebagai sebahagian daripada Perkhidmatan Pulse adalah disediakan sebagai perkhidmatan maklumat dan untuk panduan am sahaja dan mungkin tidak menangani semua perkara yang berkaitan dengan keadaan tertentu anda. Dalam menyediakan Perkhidmatan Pulse, kami tidak menjalankan perniagaan, mengurus atau mengemukakan diri sebagai sebuah klinik atau pengamal perubatan profesional dan oleh itu, kami tidak mempunyai kewajipan berjaga-jaga yang serupa kepada anda. Kecuali untuk perkhidmatan teleperubatan di mana anda berunding dengan pengamal perubatan yang berkelayakan atau pengamal kesihatan yang berkaitan, Perkhidmatan Pulse tidak sama sekali diniatkan untuk menjadi diagnosis peribadi atau diagnosis perubatan, nasihat atau rawatan, atau perkhidmatan penjagaan kesihatan atau berfungsi sebagai alat perubatan.

Sekiranya gejala anda berterusan, berubah atau bertambah buruk, atau anda mempunyai kebimbangan, atau anda berpendapat bahawa anda mempunyai kecemasan perubatan, sila bercakap dengan doktor, pengamal perubatan professional atau perkhidmatan kecemasan dengan secepat mungkin.

Sebarang keputusan yang anda membuat berkaitan dengan kesihatan anda sepatutnya selalu dilakukan dengan perundingan dengan doktor atau pengamal perubatan profesional. Kami menafikan semua jaminan berkenaan dengan hasil perkhidmatan maklumat tersebut; kebergantungan kepada sebarang maklumat yang diberikan oleh Perkhidmatan Pulse adalah atas risiko anda sendiri.

Di mana perkhidmatan disediakan oleh Rakan Kongsi Pulse atau pengamal perubatan atau pengamal profesional yang lain secara langsung kepada anda, perkhidmatan tersebut adalah tertakluk kepada terma dan syarat serta notis privasi Rakan Kongsi tersebut.

#### Pernyataan mengenai AI secara umumnya

Perkhidmatan Pulse semakin bertambah berkemampuan AI dan AI ini sentiasa belajar dan bertambah baik. Hasil daripada perkhidmatan tersebut adalah disediakan oleh sistem komputer dan bukannya manusia, dan tidak disusunaturkan kepada semua keadaan peribadi anda. Sekiranya anda berpendapat bahawa AI tersebut tidak memberikan respons yang sesuai atau betul, kami menggalakkan anda untuk memberi maklum balas kepada kami untuk membantu kami menambahbaik AI tersebut.

#### Kebergantungan pada Maklumat

Perkhidmatan Pulse mungkin merangkumi maklumat yang diperoleh daripada pihak ketiga untuk kemudahan anda, yang tidak disahkan oleh kami akan ketepatan atau kelengkapannya. Anda sepatutnya mendapatkan nasihat daripada seorang individu yang berkelayakan sebelum bertindak berdasarkan sebarang maklumat atau perkhidmatan yang disediakan melalui Perkhidmatan Pulse.

### **D. LANGGANAN/PULSE ELITE**

Kami mungkin menawarkan langganan perkhidmatan yang digelarkan "Pulse Elite" yang menawarkan anda akses kepada ciri, fungsi dan kandungan premium. Sebarang produk insurans atau perkhidmatan kewangan yang lain yang merupakan sebahagian daripada langganan Pulse Elite adalah disediakan oleh Entiti Tempatan Pru atau pembekal perkhidmatan insurans atau kewangan berlesen yang lain.

Pulse Elite beroperasi secara pembaharuan automatik pada setiap bulan. Apabila anda membeli langganan Pulse Elite, anda mengakui dan bersetuju bahawa ini adalah pembayaran berulang dan kaedah pembayaran pilihan anda akan dikenakan pada setiap bulan. Anda boleh membatalkan atau menaik taraf langganan anda pada bila-bila masa di halaman Langgangan Pulse Elite atau halaman Tetapan; perubahan tersebut akan berkuatkuasa sehari selepas hari terakhir dalam tempoh langgangan semasa. Anda tidak berhak untuk mendapat bayaran balik daripada mana-mana bahagian tempoh langgangan anda.

Kami berhak untuk menggantikan mana-mana komponen Pulse Elite dengan komponen lain yang mempunyai sifat, ciri atau nilai yang serumpamanya, dengan notis awal yang munasabah kepada anda.

Kami berhak untuk mengubah harga Pulse Elite dengan notis awal yang munasabah kepada anda. Perubahan harga akan berkuatkuasa pada tarikh pembaharuan bulanan seterusnya selepas tarikh perubahan harga. Dengan terus menggunakan Pulse Elite setelah perubahan harga berlaku, anda dianggap menerima harga baru tersebut. Sekiranya anda tidak bersetuju dengan perubahan harga tersebut, anda mempunyai hak untuk menolak perubahan harga tersebut dengan membatalkan langganan anda untuk Pulse Elite sebelum perubahan harga tersebut berkuatkuasa dalam halaman langgangan Pulse Elite atau halaman tetapan.

Kami mungkin menawarkan sampel atau percubaan percuma langganan Pulse Elite dari semasa ke semasa. Anda akan dikenakan bayaran bulanan secara automatik untuk langganan Pulse Elite yang berkaitan selepas tempoh percubaan berakhir. Anda boleh membatalkan sampel percuma atau langganan percubaan pada bila-bila masa.

Pulse Elite tidak boleh dikongsi melalui perkongsian keluarga di kalangan ahli keluarga.

## E. RAKAN KONGSI PULSE

Terdapat sesetengah Perkhidmatan Pulse yang disediakan untuk anda oleh Rakan Kongsi Pulse. Ini mungkin termasuk penjual yang menjual barang dan perkhidmatan di *Pulse Marketplace*, perkhidmatan Penilaian Kesihatan dan Pemeriksa Gejala, perkhidmatan teleperubatan, pulse "wallet" dalam sesetengah negara dan perkhidmatan lain yang kami mungkin tambah ke Aplikasi Pulse dari semasa ke semasa. Perkhidmatan Pulse seperti ini mungkin tertakluk kepada terma dan syarat Rakan Kongsi Pulse yang akan disediakan untuk anda sebelum anda menggunakan perkhidmatan berkaitan, dan anda akan memasuki perjanjian dengan Rakan Kongsi Pulse dengan terma yang ditetapkan oleh mereka ("**Terma Rakan Kongsi Pulse**") yang berasingan dan bebas daripada Perjanjian ini. PulseCo bukan parti kepada, dan tidak akan terikat

dengan, Terma Rakan Kongsi Pulse. Rakan Kongsi Pulse mungkin akan mengenakan bayaran terhadap anda untuk sesetengah Perkhidmatan Pulse.

Di mana Perkhidmatan Pulse disediakan untuk anda oleh Rakan Kongsi Pulse, Rakan Kongsi Pulse tersebut (dan bukan PulseCo) akan bertanggungjawab sepenuhnya untuk menyediakan Perkhidmatan Pulse tersebut kepada anda, dan PulseCo tidak akan mempunyai liabiliti atau bertanggungjawab terhadap Perkhidmatan Pulse tersebut atau untuk sebarang tindakan atau peninggalan oleh Rakan Kongsi Pulse. PulseCo tidak menyokong, memberi waranti atau menjamin berkenaan sebarang maklumat, produk atau perkhidmatan yang ditawarkan atau disediakan oleh pihak ketiga Rakan Kongsi Pulse melalui Aplikasi Pulse, dan PulseCo tidak akan menjadi parti kepada sebarang transaksi antara anda dan mana-mana Rakan Kongsi Pulse.

#### **F. LAMAN WEB DAN ALAT PERANTI PIHAK KETIGA**

Aplikasi Pulse mungkin akan menyediakan pautan kepada laman web pihak ketiga. Anda menggunakan mana-mana laman web pihak ketiga atas risiko anda sendiri sepenuhnya. Kami tidak bertanggungjawab untuk memeriksa atau menilai kandungan atau ketepatan mana-mana laman web pihak ketiga dan tidak mempunyai liabiliti untuk mana-mana laman web pihak ketiga tersebut.

Di mana anda menyambung atau menyelaras Aplikasi Pulse atau mana-mana Perkhidmatan Pulse dengan alat peranti pihak ketiga, kami tidak bertanggungjawab atau mempunyai liabiliti terhadap penggunaan alat peranti pihak ketiga anda, dan kami tidak menjamin yang alat peranti pihak ketiga akan berfungsi atau sesuai penggunaannya dengan Aplikasi Pulse atau Perkhidmatan Pulse atau bebas daripada kesilapan. Khususnya, kami tidak akan mempunyai liabiliti terhadap sebarang kesilapan, peninggalan atau ketidaktepatan dalam data yang diterima daripada alat peranti pihak ketiga tersebut, atau sebarang data atau hasil yang dikeluarkan berdasarkan data yang diterima daripada alat peranti pihak ketiga tersebut. Ini termasuk mana-mana alat peranti yang mungkin disediakan oleh PulseCo atau Entiti Tempatan Pru kepada anda sebagai sampel, hadiah, kegunaan untuk percubaan atau sebahagian daripada mana-mana Perkhidmatan Pulse atau produk atau perkhidmatan insurans Entiti Tempatan Pru.

#### **G. ALAT DAN PEMANTAUAN**

Kami mungkin menggunakan alat analisis data untuk memantau penggunaan Aplikasi Pulse dan Perkhidmatan Pulse untuk memberikan kami maklumat yang akan digunakan untuk menentukan sama ada kami perlu membuat perubahan terhadap Aplikasi Pulse dan Perkhidmatan Pulse tersebut dan untuk melakukan pemprofilan seperti pemprofilan

pemasaran. Kami mungkin mengumpul dan menggunakan data teknikal dan maklumat yang berkaitan—termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat teknikal tentang alat peranti anda termasuk sistem dan perisian aplikasinya, dan persisian—untuk memudahkan penyediaan kemas kini, sokongan produk, dan perkhidmatan lain kepada anda yang berkaitan dengan Aplikasi Pulse. Sebarang data peribadi yang dikumpulkan berdasarkan perenggan ini akan tertakluk kepada Notis Privasi kami.

Kami mungkin mengambil langkah seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian ini dan yang kami percaya adalah perlu secara munasabah atau wajar untuk memantau, menguatkuasa atau mengesahkan pematuhan anda dengan Perjanjian ini, termasuk Peraturan Penggunaan.

## H. PERATURAN PENGGUNAAN

Kami memberi anda lesen yang tidak boleh dipindah milik untuk menggunakan Aplikasi Pulse dan Perkhidmatan Pulse seperti yang dibenarkan berdasarkan "Peraturan Penggunaan" di bawah. Kami mungkin memantau penggunaan dan aktiviti anda dalam Aplikasi Pulse dan Perkhidmatan Pulse untuk memantau pematuhan dengan Peraturan Penggunaan.

### Peraturan Penggunaan:

- Anda hanya boleh menggunakan Aplikasi Pulse dan maklumat dan perkhidmatannya untuk tujuan peribadi, bukan komersial.
- Anda tidak boleh mengganggu atau memintas teknologi keselamatan yang disertakan dengan Aplikasi Pulse.
- Anda tidak boleh *reverse-engineer*, memisahkan, cuba memperoleh kod sumber, mengubah, atau mencipta karya sekunder Aplikasi Pulse, sebarang kemaskini, atau mana-mana bahagiannya (kecuali sejauh mana sebarang larangan tidak dibenarkan oleh undang-undang yang terpakai atau sejauh mana yang dibenarkan oleh terma pelesenan yang mentadbir penggunaan sebarang komponen sumber terbuka (*open source*) yang disertakan dengan Aplikasi Pulse).
- Anda tidak boleh menghantar sebarang data dengan sengaja, menyalurkan atau muat naik sebarang bahan yang mengandungi virus, *Trojan horses* cacing (worms), bom jangka (time-bombs), penangkapan papan kekunci (keystroke loggers), perisian intip, perisian iklan atau sebarang program berbahaya yang lain atau kod komputer yang serumpamanya direka untuk memberi kesan buruk terhadap operasi Aplikasi Pulse.

- Anda tidak boleh bertindak dengan niat menipu (fraud) atau dengan niat yang buruk dalam menggunakan Aplikasi Pulse, dan anda tidak boleh menggunakan Aplikasi Pulse dengan cara yang mungkin merosakkan, melumpuhkan, membebani, mengurangkan atau menjelaskan sistem atau keselamatan kami atau mengganggu pengguna lain.
- Anda tidak boleh memperoleh atau mengumpulkan maklumat mengenai pengguna lain tanpa persetujuan mereka.
- Anda tidak boleh, atau membantu orang lain untuk, menggunakan Aplikasi Pulse untuk sebarang penggunaan Perkhidmatan kami secara bukan peribadi kecuali dibenarkan oleh PulseCo.
- Anda tidak boleh mengedarkan atau menyediakan Aplikasi Pulse, sama ada di luar talian atau melalui mana-mana rangkaian, di mana ia boleh digunakan oleh beberapa alat peranti pada masa yang sama.
- Sekiranya anda menjual atau menyediakan alat peranti kepada pihak ketiga di mana anda telah memuat turun Aplikasi Pulse, anda mesti menyahpasangkan Aplikasi Pulse daripada alat peranti tersebut sebelum berbuat demikian.
- Anda mesti mematuhi Garis Panduan Penghantaran (sila lihat Bahagian I).
- Anda mesti mematuhi mana-mana terma penggunaan yang dikenal pasti dalam Aplikasi Pulse seperti yang terpakai terhadap kandungan, media atau perkhidmatan tertentu.
- Anda mesti mematuhi undang-undang yang terpakai kepada penggunaan Aplikasi Pulse dan Perkhidmatan Pulse oleh anda.

Sekiranya mana-mana pihak ketiga membuat tuntutan terhadap kami akibat pelanggaran Peraturan Penggunaan oleh anda, anda akan membayar ganti rugi kepada kami untuk sebarang kos, perbelanjaan, yuran, cukai dan liabiliti lain yang ditanggung oleh kami akibat daripada tuntutan tersebut, termasuk kos dan perbelanjaan kami yang munasabah dalam mempertahankan dan menangani tuntutan tersebut.

## I. PENGHANTARAN ANDA

Aplikasi Pulse mungkin membenarkan anda untuk mencipta, menghantar, memuat naik, berkongsi, menyalurkan atau menyampaikan kandungan atau bahan seperti komen, perbualan, media, gambar, video dan bahan lain yang anda pilih untuk menyediakan ("**Penghantaran**"). Penggunaan ciri tersebut oleh anda dan setiap Penghantaran yang dilakukan oleh anda akan tertakluk kepada Notis Privasi kami dan mesti mematuhi "Garis Panduan Penghantaran" di bawah.

**Garis Panduan Penghantaran:** Anda tidak boleh menghantar sebarang Penghantaran yang:

- anda tidak mahu orang lain melihat;

- anda tidak mempunyai kebenaran, hak atau lesen untuk hantar;
- melanggar sebarang hak harta intelektual, privasi atau pihak ketiga yang lain termasuk dengan melakukan *trolling*, *doxxing*, atau mengganggu pengguna atau orang lain;
- tidak menyenangkan, memfitnah, menyinggung perasaan, menghina, menyalahi undang-undang, menipu, mengancam, membenci, menyinggung secara etnik atau perkauman atau menghasut atau mendorong tindakan yang haram atau tidak sesuai;
- adalah *fraud*, palsu, mengelirukan atau mempunyai unsur penipuan;
- adalah peribadi, maklumat rahsia atau sulit milik orang lain;
- merupakan permintaan maklumat daripada seorang individu bawah umur;
- menyamar atau memberi gambaran yang salah tentang hubungan anda dengan orang, atau entiti lain;
- kecuali diluluskan oleh kami, bersifat promosi, termasuk tetapi tidak terhad kepada pemasaran, bahan promosi, atau pengumuman maklumat;
- adalah atau merupakan sebarang percubaan untuk melakukan aktiviti haram, penipuan (*fraud*), atau manipulasi; or
- melanggar sebarang undang-undang atau mendorong tindakan yang akan melanggar sebarang undang-undang.

Dengan menghantar Penghantaran tersebut anda memberi kami lesen yang terpakai di seluruh dunia, bebas daripada royalti, kekal selama-lamanya, tidak boleh ditarik balik, tidak eksklusif, dan boleh disub-lesenkan untuk menggunakan, menyalin, mengubah suai, memaparkan secara umum, menghasilkan semula, menterjemahkan, mencipta karya sekunder, dan menyebarkan Penghantaran tersebut, secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya, sehubungan dengan penyediaan, pengembangan dan promosi Aplikasi Pulse dan Perkhidmatan Pulse, dalam sebarang media yang dikenali sekarang atau pada masa depan. Dengan menghantar Penghantaran tersebut, anda mewakili dan menjamin bahawa anda memiliki Penghantaran tersebut atau anda mempunyai semua hak yang diperlukan untuk memberi kami lesen untuk menggunakan Penghantaran tersebut seperti yang dijelaskan di atas, dan bahawa penggunaan Penghantaran tersebut oleh kami tidak dan tidak akan melanggar sebarang hak pihak ketiga.

Kami mungkin membuat keputusan untuk menyingkir atau menyunting sebarang Penghantaran seperti atas budi bicara kami sepenuhnya. Sekiranya anda melihat bahan yang tidak mematuhi Garis Panduan Penghantaran, sila menggunakan ciri Memberikan Maklum Balas.

Sebarang Penghantaran yang dihantar oleh anda ialah atas risiko anda sendiri sepenuhnya dan anda akan melepaskan kami daripada sebarang dan semua liabiliti terhadap anda untuk sebarang kerugian atau liabiliti yang berkaitan dengan Penghantaran tersebut. Sekiranya anda telah menghantar sebarang Penghantaran yang anda ingin kami mengambil

turun atau memperhentikan penggunaannya, sila menggunakan ciri Memberikan Maklum Balas. Kami akan berusaha untuk menyelesaikan masalah anda dengan segera untuk menghentikan penggunaan dan penyebaran lanjut Penghantaran tersebut, tetapi kami mungkin tidak boleh bertindak atas penggunaan atau penyebaran yang telah berlaku.

Sekiranya mana-mana pihak ketiga membuat tuntutan terhadap kami akibat pelanggaran anda terhadap Garis Panduan Penghantaran, anda akan membayar ganti rugi kepada kami untuk sebarang kos, perbelanjaan, yuran, cukai dan liabiliti lain yang ditanggung oleh kami akibat daripada tuntutan tersebut, termasuk kos dan perbelanjaan kami yang munasabah dalam mempertahankan dan menangani tuntutan tersebut.

#### **J. BAYARAN**

Kami mungkin menggunakan pemproses pembayaran pihak ketiga untuk mengendalikan pembayaran secara selamat untuk Perkhidmatan Pulse yang dikenakan bayaran dan tidak bertanggungjawab atau tidak akan mempunyai liabiliti terhadap sebarang tindakan atau peninggalan oleh pemproses pembayaran pihak ketiga tersebut.

#### **K. HARTA INTELEKTUAL**

Semua hak harta intelektual dalam Aplikasi Pulse termasuk tetapi tidak terhad kepada semua kandungan, grafik, *interface* pengguna, klip audio, klip video, kandungan editorial, dan skrip dan perisian yang digunakan untuk melaksanakan Aplikasi Pulse dan Perkhidmatan Pulse adalah dimiliki oleh kami dan/atau pemberi lesen kami dan dilindungi oleh undang-undang harta intelektual yang terpakai dan undang-undang lain. Anda hanya diberi kebenaran untuk menggunakan Aplikasi Pulse dan Perkhidmatan Pulse seperti yang ditetapkan dalam Peraturan Penggunaan.

Nama kami, nama Aplikasi Pulse, logo Prudential dan cap dagangan Prudential lain, cap perkhidmatan, grafik, dan logo yang digunakan berkaitan dengan Aplikasi Pulse adalah cap dagangan atau cap dagangan berdaftar Prudential Plc dan ahli gabungannya di United Kingdom dan negara-negara lain di seluruh dunia. Anda tidak diberi hak atau lesen kepada mana-mana cap dagangan yang telah dinyatakan.

#### **L. PENAFIAN**

Kami tidak memberi jaminan, perwakilan atau waranti bahawa penggunaan Aplikasi Pulse oleh anda akan tidak terganggu atau bebas daripada kesilapan. Dari semasa ke semasa, kami boleh menyahdayakan atau mengehadkan akses anda kepada semua atau sebahagian daripada Aplikasi Pulse tanpa notis kepada anda.

Kami tidak mewakili atau menjamin yang Aplikasi Pulse atau Perkhidmatan Pulse akan bebas dari kerugian, korupsi, serangan, virus, gangguan, penggodaman, atau pencerobohan keselamatan lain, dan dengan ini, anda melepaskan kami daripada sebarang liabiliti yang berkaitan dengannya. Anda bertanggungjawab untuk membuat salinan sandaran sistem anda sendiri, termasuk kandungan yang diperoleh melalui Aplikasi Pulse.

Anda mengakui dan bersetuju dengan nyata bahawa penggunaan Aplikasi Pulse adalah atas risiko anda sendiri sepenuhnya. Aplikasi Pulse dan Perkhidmatan Pulse adalah disediakan "sebagaimana adanya" dan "sebagaimana tersedia ada," dengan semua kecacatan dan tanpa sebarang jaminan, dan kami menafi semua jaminan dan syarat berkenaan dengan Aplikasi Pulse dan Perkhidmatan Pulse, sama ada secara nyata, tersirat atau berkanun, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, jaminan tersirat dan/atau syarat kualiti yang memuaskan, kesesuaian untuk tujuan tertentu, ketepatan dan tidak melanggar hak pihak ketiga. Tiada maklumat atau nasihat lisan atau bertulis yang diberikan oleh kami atau mana-mana wakil yang sah akan mencipta waranti, jaminan, perwakilan atau yang serumpamanya.

## **M. LIABILITI**

Dalam semua keadan, kami, para pengarah, pegawai, pekerja, sekutu, ejen, kontraktor atau pemberi lesen kami tidak akan bertanggungjawab dalam kontrak, *tort* (termasuk kecuaian), undang-undang atau sebaliknya untuk sebarang bayaran ganti rugi secara langsung, tidak langsung, insidental, punitif, istimewa atau berbangkit akibat penggunaan Aplikasi Pulse atau Perkhidmatan Pulse oleh anda atau untuk tuntutan lain yang berkaitan dengan cara anda menggunakan atau ketidakupayaan anda untuk menggunakan Aplikasi Pulse atau Perkhidmatan Pulse dan/atau kandungan yang sedia ada, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, bayaran ganti rugi untuk kehilangan keuntungan, kehilangan data, gangguan perniagaan, atau sebarang kerugian atau kehilangan komersial yang lain, sebarang kesilapan atau peninggalan dalam sebarang kandungan, atau sebarang kehilangan atau kerugian akibat penggunaan kandungan yang dihantar, disalurkan atau disediakan melalui Aplikasi Pulse atau Perkhidmatan Pulse, tidak mengira bagaimana ia berlaku, walaupun dimaklumkan tentang kemungkinannya. Dalam semua keadaan, liabiliti keseluruhan kami kepada anda dalam kontrak, *tort* (termasuk kecuaian), undang-undang atau sebaliknya untuk semua bayaran ganti rugi tidak akan melebihi (a) sekiranya liabiliti kami berkaitan dengan Perkhidmatan Pulse yang mana anda telah membayar caj, jumlah yang telah anda bayar; dan (b) sekiranya (a) tidak berlaku, jumlah lima puluh dolar Hong Kong atau jumlah yang setara dalam mata wang Negara Asal anda.

Tanpa mengira klausa lain dalam Perjanjian ini, pelepasan, penafian, had dan pengecualian liabiliti dalam Perjanjian ini dinyatakan supaya terpakai setakat mana yang dibenarkan oleh undang-undang. Ianya tidak bertujuan untuk

mengecualikan, menyekat atau mengubah liabiliti yang tidak boleh dikecualikan, disekat atau diubah berdasarkan undang-undang dan akan dibaca tertakluk kepada sebarang liabiliti wajib yang tidak boleh dikecualikan

## **N. PENGANTUNGAN DAN PENAMATAN**

Anda boleh menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa dengan membatalkan akaun anda seperti yang diarahkan dalam Aplikasi Pulse. Anda tidak berhak untuk mendapat bayaran balik untuk bahagian belum tamat tempoh untuk jumlah yang telah dibayar oleh anda untuk Perkhidmatan Pulse kecuali anda menamatkan Perjanjian ini kerana kami telah membuat perubahan atau memberi kesan kepada Perkhidmatan Pulse yang berkaitan dengan bayarannya.

Kami boleh menamatkan atau menggantung akaun anda sekiranya kami percaya secara munasabah bahawa anda telah melanggar Perjanjian ini (termasuk Terma Penggunaan atau Garis Panduan Penghantaran) atau sebarang Terma Rakan Kongsi Pulse. Di mana bersesuaian kami akan memberi anda amaran terlebih dahulu sebelum kami bertindak. Namun, kami berhak, terutama untuk pelanggaran berulang atau pelanggaran serius (seperti ketidakpatuhan terhadap Peraturan Penggunaan, Garis Panduan Penghantaran atau Terma Rakan Kongsi Pulse) untuk menggantung atau menamatkan tanpa memberi amaran terlebih dahulu kepada anda. Anda tidak berhak mendapat bayaran balik untuk mana-mana tempoh penggantungan atau sekiranya kami menamatkan akaun anda kerana pelanggaran anda.

Sebagai tambahan kepada hak penggantungan atau penamatan lain, kami boleh menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis tidak kurang daripada 30 hari kepada anda. Anda berhak mendapat bayaran balik secara pro rata untuk bahagian yang belum tamat tempoh untuk sebarang caj yang telah dibayar oleh anda untuk perkhidmatan yang telah diberikan oleh kami di bawah Aplikasi Pulse.

Pada penamatan Perjanjian ini, hak anda untuk mengakses Aplikasi Pulse dan semua Perkhidmatan Pulse berhenti. Sekiranya anda kemudian ingin mendapatkan perkhidmatan yang disediakan oleh Rakan Kongsi Pulse, anda perlu menghubungi mereka secara langsung.

Kami berhak untuk mengubah, menggantung, menamatkan atau menghentikan mana-mana Perkhidmatan Pulse dengan sebarang alasan, tanpa notis, pada bila-bila masa.

## **O. Umum**

**Pemindaan Perjanjian:** Kami boleh meminda Perjanjian ini dari semasa ke semasa. Kami tidak akan mengurangkan hak anda di bawah Perjanjian ini tanpa memberitahu anda. Kami selalu menandakan tarikh perubahan terakhir diterbitkan.

**Undang-undang Terpakai:** Perjanjian ini dan hubungan antara kami dan anda, dan semua transaksi dalam Aplikasi Pulse akan tertakluk kepada undang-undang Singapura. Anda dan kami bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa peribadi dan eksklusif mahkamah Singapura.

**Pematuhan Perdagangan:** Anda tidak boleh menggunakan, memberi akses atau membekalkan sebarang bahagian daripada Aplikasi Pulse kecuali dibenarkan oleh undang-undang yang terpakai. Khususnya, tetapi tanpa had, tiada bahagian dari Aplikasi Pulse boleh digunakan, diberi diakses atau dibekalkan (a) ke mana-mana negara yang dikenakan embargo di UK atau U.S atau (b) kepada sesiapa sahaja yang tersenarai di dalam *U.S. Treasury Department's Specially Designated Nationals List* atau *U.S. Department of Commerce Denied Persons List or Entity List*. Dengan mendaftar untuk Aplikasi Pulse, anda mewakili dan menjamin bahawa anda tidak berada di mana-mana negara yang dinyatakan di atas atau dalam senarai yang dinyatakan di atas. Anda juga bersetuju bahawa anda tidak akan menggunakan, memberi akses atau membekalkan produk ini untuk tujuan yang dilarang oleh Negara Asal anda atau undang-undang lain yang terpakai, termasuk, tanpa had, pembangunan, reka bentuk, pembuatan, atau pengeluaran nuklear, peluru berpandu, atau senjata kimia atau biologi.

**Keseluruhan Perjanjian:** Perjanjian ini sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa merupakan keseluruhan perjanjian antara anda dan kami berkenaan dengan Aplikasi Pulse, dan menggantikan sebarang perjanjian sebelumnya berkenaan dengan perkara yang sama antara anda dan kami.

**Penepian:** Tiada kegagalan atau kelewatan oleh kami dalam melaksanakan hak atau remedи yang diberikan oleh undang-undang atau di bawah atau menurut Perjanjian ini yang akan mengurangkan hak atau remedи tersebut atau beroperasi atau ditafsirkan sebagai penepian atau variasinya atau menghalang pelaksanaannya pada masa kemudiannya.

**Force Majeure:** Kami tidak bertanggungjawab atas kegagalan untuk memenuhi mana-mana tanggungjawab kami di bawah Perjanjian ini atas sebab di luar kawalan kami yang munasabah.

**Pemindahan:** Setakat mana yang dibenarkan oleh undang-undang yang terpakai, anda bersetuju bahawa kami boleh menyerahkan hak, membuat novasi, memindahkan atau melupuskan hak dan kewajipan kami di bawah Perjanjian ini, secara

keseluruhan atau sebahagian, pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu kepada anda. Anda tidak boleh menyerahhak, membuat novasi, memindahkan atau melupuskan sebarang hak atau kewajipan di bawah Perjanjian ini.

**Notis:** Kami mungkin menghantar notis kepada anda berkaitan dengan Aplikasi Pulse dengan menghantar mesej emel kepada alamat emel anda atau surat melalui pos ke alamat surat-menyurat anda, atau melalui pengumuman di Aplikasi Pulse. Kami juga boleh menghubungi anda melalui emel atau notifikasi untuk menghantar anda maklumat tambahan mengenai Aplikasi Pulse. Ia merupakan tanggungjawab anda untuk memeriksa bahwa notifikasi tidak dinyahdayakan dalam alat peranti anda.

Anda boleh menghantar notis kepada kami dengan menghubungi kami melalui ciri Memberikan Maklum Balas.

**Bahasa:** Setakat mana terdapat ketidakkonsistenan antara versi Bahasa Inggeris dan versi bukan Bahasa Inggeris Perjanjian ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

## Maklumat Khusus Negara

Sekiranya anda merupakan pengguna di salah satu negara yang berikut, maklumat di bawah adalah berkaitan dengan anda.

### Filipina

Pulse dikendalikan oleh Pulse Ecosystems Pte. Ltd., ahli gabungan Pru Life UK. Kedua-dua syarikat itu merupakan ahli gabungan Prudential plc, sebuah syarikat yang diperbadankan di United Kingdom. Prudential plc, Pulse Ecosystems Pte. Ltd., dan Pru Life UK bukan ahli gabungan Prudential Financial Inc., Philippine Prudential Life Insurance Company Inc., Prudentialife Plans, Inc. atau Prudential Guarantee and Assurance, Inc.

### Thailand

Perenggan kedua Bahagian B (PENDAFTARAN DAN ID Pulse) Perjanjian ini akan dianggap dipadamkan dan digantikan dengan yang berikut:

"Kecuali sekiranya anda mempunyai persetujuan ibu bapa atau penjaga sah, anda mesti berumur 20 tahun ke atas untuk mencipta ID Pulse dan menggunakan Aplikasi Pulse. ID Pulse untuk individu di bawah 20 tahun boleh dicipta oleh ibu bapa atau penjaga sah. Ibu bapa atau penjaga sah bertanggungjawab untuk memastikan individu tersebut mematuhi Perjanjian ini."

### Taiwan

Aplikasi Pulse dikendalikan oleh Pulse Ecosystems Pte. Ltd., ahli gabungan PCA Life Assurance Co., LTD (PCALT). Kedua-dua syarikat itu adalah ahli gabungan Prudential plc, sebuah syarikat yang diperbadankan di United Kingdom. Prudential plc, Pulse Ecosystems Pte. Ltd., PCALT bukan ahli gabungan Prudential Financial Inc., sebuah syarikat di mana tempat perniagaan utamanya adalah di Amerika Syarikat

Perenggan kedua Bahagian B (PENDAFTARAN DAN ID Pulse) Perjanjian ini akan dianggap dipadamkan dan digantikan dengan yang berikut:

"ID Pulse disasarkan kepada orang dewasa, yang berumur sekurang-kurangnya 20 tahun. Perkhidmatan ini tidak disediakan untuk individu bawah umur."

## **Malaysia**

Apabila perkataan ‘insurans’ muncul di dalam Terma dan Syarat Aplikasi Pulse, ia juga adalah merangkumi takaful.

## **Lampiran 2 – Butiran entiti insurans Prudential di negara anda**

<b>Negara</b>	<b>Entiti insurans Prudential</b>	<b>Laman web</b>
Kemboja	Prudential (Cambodia) Life Assurance Plc	<a href="https://www.prudential.com.kh/km/">https://www.prudential.com.kh/km/</a>
Hong Kong	Prudential Hong Kong Limited Prudential General Insurance Hong Kong Limited	<a href="https://www.prudential.com.hk/en/">https://www.prudential.com.hk/en/</a>
Indonesia	PT Prudential Life Assurance	<a href="https://www.prudential.co.id/id/footer/privacy-policy/">https://www.prudential.co.id/id/footer/privacy-policy/</a>
Laos	Prudential Life Assurance (Lao) Company Limited	<a href="https://www.prudential.la/prudential-la/lo/">https://www.prudential.la/prudential-la/lo/</a>
Malaysia	Prudential Assurance Malaysia Berhad	<a href="https://www.prudential.com.my/en/footer/privacy-policy/">https://www.prudential.com.my/en/footer/privacy-policy/</a>
Malaysia Takaful	Prudential BSN Takaful Berhad	<a href="https://www.prubsn.com.my/en/">https://www.prubsn.com.my/en/</a>
Myanmar	Prudential Myanmar Life Insurance Company Limited	<a href="https://www.prudential.com.mm/en/footer/privacy-notice/">https://www.prudential.com.mm/en/footer/privacy-notice/</a>
Singapura	Prudential Assurance Company Singapore (Pte) Ltd	<a href="https://www.prudential.com.sg/privacy-notice">https://www.prudential.com.sg/privacy-notice</a>
Taiwan	PCA Life Assurance Co., Ltd.	<a href="https://www.pcalife.com.tw/zh/">https://www.pcalife.com.tw/zh/</a>
Thailand	Prudential Life Assurance (Thailand) Public	<a href="https://www.prudential.co.th/corp/prudential-th/th/">https://www.prudential.co.th/corp/prudential-th/th/</a>

	Company Limited	
Filipina	Pru Life Insurance Corporation of U.K.	<a href="https://www.prulifeuk.com.ph/en/">https://www.prulifeuk.com.ph/en/</a>
Vietnam	Prudential Vietnam Assurance Private Limited	<a href="https://www.prudential.com.vn/vi/">https://www.prudential.com.vn/vi/</a>